

**SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14**  
**DEWAN RAKYAT**  
**1 JULAI HINGGA 18 JULAI 2019**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN**

**TARIKH : 1 JULAI 2019**

**SOALAN : 85**

**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah seterusnya setelah pungutan suara untuk membuat pindaan Perkara 1 (2) Perlembagaan Persekutuan gagal demi menjadikan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sebagai rakan kongsi ke arah merealisasikan perlaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN**  
**PERDANA MENTERI**

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung pindaan kepada Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan 2019 telah gagal untuk mendapat persetujuan 2/3 oleh ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat

pada 9 April 2019 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mempertimbangkan keadaan kesesuaian masa untuk meneruskan perkara ini.

Kerajaan akan meneruskan perkara ini pada masa terdekat dan masa yang sesuai terutamanya apabila mendapat komitmen secara sebulat suara daripada Ahli Parlimen Pembangkang terutamanya Ahli Pembangkang dari Sarawak.

Sekian, terima kasih.